



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PELAWAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal berpengalaman yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** untuk menyertai sebut harga di bawah :

BIL. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH TUTUP
S001/2018	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM PERISIAN AUDIT KOPERASI (PRIDIK) YANG MELIBATKAN AKTIVITI ANALISIS, REKA BENTUK, PEMBANGUNAN SISTEM, PENGUJIAN, INTEGRASI, MIGRASI, LATIHAN DAN PENTAULIAHAN SISTEM SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA TAHUN 2018	210104 - Software/ System development/ Customization and maintenance including data entry, data processing/	27 MAC 2018 JAM 12.00 TENGAH HARI

Taklimat akan diadakan pada **27 FEBRUARI 2018 (SELASA), jam 9.30 pagi** bertempat di Bilik Mesyuarat Zamrud, Aras G, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Kehadiran sesi taklimat adalah **WAJIB**. Hanya penama di dalam **Sijil Pendaftaran Akuan Syarikat SAHAJA** yang boleh hadir ke sesi taklimat sebut harga. **PENAMA** wajib membawa **DOKUMEN** di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat sebut harga.

2. Hanya penyebut harga yang menghadiri sesi taklimat dan telah berdaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak SKM sahaja yang layak menyertai Sebut Harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak SKM boleh dilakukan secara atas talian (online) <https://tenderwizard.my/SKM> (klik pada ruangan 'Register Me' untuk pendaftaran baru).

3. Semua penyebut harga akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak **RM190.00** yang perlu dibayar kepada pihak pembekal sistem. Akaun akses ini hanya akan diaktifkan selepas penyebut harga melengkapkan permohonan secara online dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX (online banking) secara online. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun berikutnya.

4. Dokumen Sebut Harga ini akan mula tersedia untuk dimuat turun **MULAI 27 FEBRUARI 2018** secara atas talian melalui laman sesawang <https://tenderwizard.my/SKM>. Manakala tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **27 MAC 2018, jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem secara atas talian melalui laman sesawang <https://tenderwizard.my/SKM>.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh dirujuk ke alamat berikut:

Unit Perolehan
Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 5, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur
 Puan Nur Asiah binti Amran - 03-2083 4000 smbg 4612
 Hajah Zainah binti Hashim - 03-2083 4000 smbg 4247

7. Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan sistem perolehan atas talian SKM boleh dirujuk ke pegawai berikut:

Century Software (M) Sdn. Bhd.
Wholly owned by Censof Holdings Berhad
(formerly known as Century Software Holdings Berhad)
 Address: A-8, Block A, Level 8, Sunway PJ @ 51A, Jalan SS9a/19, Seri Setia, 47300
 Selangor, Malaysia
 Phone: +603 7962 7870 / +03 7962 7947
 Vedtha Kumar K.Narayanasamy / Abdullah Ruslan

8. Penyebut harga hendaklah mengambil maklum berkenaan **fi perkhidmatan** sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem TenderWizard SKM yang **dikenakan oleh pihak Century Software (M) Sdn. Bhd.** kepada penyebut harga yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. **Hak Suruhanjaya Untuk Menerima/Menolak Sebut Harga**

Suruhanjaya adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. **Cara-Cara Melengkapkan Dokumen Sebut Harga**

- 2.1 Semua maklumat sebut harga **WAJIB** dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem perolehan SKM secara atas talian melalui laman sesawang <https://tenderwizard.my/SKM> mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

- 2.2 Penyebut harga tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan tawaran sebut harga ini ke dalam harga yang ditawarkan. Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
3. **Penyerahan Dokumen Sebut harga**
 - 3.1 Penyebut harga hendaklah mengemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal dengan melengkapkan dokumen sebut harga dan memuatnaikkan dokumen sokongan ke dalam sistem perolehan SKM secara atas talian melalui laman sesawang <https://tenderwizard.my/SKM>
 - 3.2 Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
4. Setiap penyebut harga adalah bertanggungjawab meneliti setiap salinan Dokumen Sebut Harga yang telah dikemukakan secara atas talian. Adalah diingatkan juga bahawa Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhak menolak sebarang sebut harga yang tidak lengkap dan menyukarkan penilaian pihak Suruhanjaya
5. Tawaran Sebut harga hendaklah sah laku selama **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh penyerahan sebut harga melalui atas talian seperti yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga dan seseorang penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya dalam tempoh tersebut.
6. Keengganan mematuhi syarat-syarat di atas akan menyebabkan sebut harga ditolak.